

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN
DALAM MASYARAKAT YANG MENGAMALKAN
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN : TUMPUAN
KAJIAN DI KAMPUNG BELANGKAN,
KUALA SAWAH, RANTAU

OLEH : SITY ROHANE DEWA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1977 / 78

Kepada yang tersayang,

ayah dan ibu yang sentiasa

mengharapkan kejayaan ku

dan

suami yang sentiasa

memberi galakan.

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Kandungan -----	i - iii
Penghargaan -----	iv

BAB 1 : LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

1.1 Pengenalan

a. Tujuan dan Bidang Kajian -----	1
b. Method Kajian -----	2

1.2 Latar Belakang Tempat Kajian ----- 3 - 5

a. Pentadbiran -----	5 - 7
b. Ekonomi dan Sosial -----	7 - 9
c. Adat Istiadat -----	10 - 12
d. Ugama -----	12 - 13

BAB 2 : PERKAHWINAN SEPINTAS LAU

2.1 Pengertian Perkahwinan ----- 14 - 16

2.2 Bentuk Perkahwinan dalam masyarakat

Adat Perpatih -----	16 - 19
---------------------	---------

2.3 Orang yang tidak boleh Kahwin ----- 19 - 22

2.4 Corak Penjodohan ----- 23 - 27

BAB 3 : ADAT ISTIADAT PEMINANGAN

3.1 Jenis-Jenis Perkahwinan

a. Aturan Tak Lamin

i. Menyerah -----	28 - 29
ii. Merumah -----	29 - 31
iii. Sesalahan -----	31 - 32
b. Aturan biasa	
3.2 Merisik atau Risik-Ardai -----	32 - 40
3.3 Pinangan atau Hantar Tanda -----	40 - 46
3.4 Pembatalan Peminangan -----	46 - 48

BAB 4 : UPACARA*UPACARA ATAU ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

4.1 Hari Kayu Berakar -----	49 - 55
4.2 Istiadat Berendam -----	55 - 58
4.3 Istiadat Berinai	
a. Malam Berinai Kecil -----	58
b. Malam Berinai Besar -----	58 - 60
i. Istiadat Mengisi Adat -----	60 - 62
ii. Istiadat Akad Nikah -----	62 - 67
iii. Perarakkan -----	67 - 68
iv. Persandingan -----	68 - 70
4.4 Hari Lansung -----	70 - 74
a. Istiadat Perarakkan di Hari Lansung -----	74
b. Istiadat Persandingan di Hari Lansung -----	74 - 75
i. Istiadat Suap-Suap -----	75 - 76
ii. Istiadat Padam Lilin -----	76 - 77
iii. Istiadat Pangkasan -----	77 - 78

iv. Istiadat Menyembah	78
v. Istiadat Makan Damai	79 - 80
4.5 Hari Bertandang atau Menyalang	80 - 82
4.6 Istiadat Tempuh Jejak atau Menikam	
Jejak	82 - 84
4.7 Penutup	84 - 90
BIBLIOGRAFI	91 - 92
LAMPIRAN i : Peta Mukim Rantau	93
LAMPIRAN ii : Surat Nikah/Kahwin	94
LAMPIRAN iii : Surat Izin Perempuan kepada Walinya	95
LAMPIRAN iv : Surat Taklik	96
LAMPIRAN v : Gambar-Gambar	97 - 106

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan tesis ini, saya banyak berhutang budi kepada beberapa orang perseorangan yang telah bermurah hati turut menyumbangkan berbagai rupa pertolongan dalam masa saya melakukan kajian ini.

Ucapan terimakasih yang tak terhingga, saya tujukan kepada Encik Ismail Hamid yang sudi menjadi penyelia latihan ilmiah ini. Binbingan dan teguran beliau kepada saya untuk menjayakan latihan ilmiah saya ini, sangat saya bargei.

Seterusnya saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Encik Abdullah Munchak kerana sudi memberi bahan-bahan kajian ini, dan menolong saya mendapatkan bahan-bahan kajian ini di tempat kajian. Juga kepada penduduk-penduduk di Kampung Belangkan (tempat kajian) yang telah membenarkan saya menghadiri majlis perkahwinan di sana. Layanan dan sumbangan mereka itu tidaklah dapat saya membalasnya melainkan Tuhan sahaja yang akan membalasnya.

Tidak ketinggalan juga saya berterimakasih kepada suami saya, Mohd. Sharif Abd. Latiff yang bersusah payah menemani saya bila membuat kajian ini dan yang telah banyak berkorban terutamanya dari segi material. Juga ibu bapa saya yang sentiasa memberi galakkan untuk terus menyempurnakan latihan ilmiah ini, terimakasih juga saya ucapkan.

Kompleksiswa A, Kampus Universiti

Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Sity Rohane Dewa

March, 1978.

BAB 1

LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

1.1 Pengenalan.

(a) Tujuan dan bidang kajian.

Tujuan utama kajian ini ialah untuk memberi tinjauan yang khusus tentang adat istiadat perkahwinan dalam masyarakat adat di Negeri Sembilan. Kata-kata adat, pentun dan bahasa perbilangannya merupakan satu keistimewaan dalam adat istiadat perkahwinan bagi masyarakat yang menganuti Adat Perpatih ini.

Penulis telah berminat membuat kajian ini kerana kurangnya orang menulis tentang adat istiadat perkahwinan orang Melayu di Negeri Sembilan secara objektif dan ilmiah. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa ada juga penulisan-penulisan yang menyentuh adat istiadat perkahwinan di Negeri Sembilan. Misalnya kajian yang ditulis oleh Shamsiah binti Abd. Rahim yang bertajuk, "Bahasa Perbilangannya Dalam Istiadat Perkahwinan, Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Satu Contoh". Memandangkan perlunya penulisan mengenai adat istiadat perkahwinan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang adat istiadatnya adalah berbeza daripada negeri-negeri Melayu yang lain itu, penulis menghasilkan kajiannya dengan diberi tajuk, "Adat Istiadat Perkahwinan Dalam Masyarakat Yang Mengamalkan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, (Tumpuan Kajian Di Kampung Belangan, Kuala Sawah, Rantau)".

Kajian ini dibahagikan kepada empat bab. Dalam bab per-

tana: gambaran sepintas lalu latar belakang keadaan ilmu alam dan sosio-ekonomi masyarakat di kampung Belangan. Dalam bab kedua: mengenai konsep perkahwinan, bentuk perkahwinan, perbatasan jodoh dan corak penjodohan. Perjalanan adat istiadat peminangan diterangkan dalam bab ketiga. Dalam bab keempat: diberi penumpuan kepada perjalanan upacara-upacara yang dibuat sebelum, semasa dan selepas upacara persandingan seperti adat istiadat berinai, akad nikah, adat istiadat tepung tawar dan sebagainya. Adat istiadat perkahwinan ini perlu diketahui umum dan dikekalkan sebagai pusaka bagi melambangkan kebudayaan Melayu asli yang dapat dibanggakan oleh negara. Penulis berpendapat melalui penulisan ini adalah satu cara bagaimana kita hendak mendokumentasi unsur-unsur kebudayaan yang kaya ini daripada hilang ditelan zaman. Tanpa mengetahui adat istiadat dan kebudayaan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan adalah sukar untuk memahami masyarakatnya. Inilah perlunya penulis berusaha memperkenalkan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan melalui unsur-unsur kebudayaannya.

(b) Method kajian.

Penulis membuat kajian ini berasaskan kepada pemerhatian penulis terhadap upacara-upacara perkahwinan yang dijalankan di tempat kajian penulis iaitu di kampung Belangan, Kuala Sawah, Rantau. Penulis telah mengadakan temuramah beberapa kali dengan ketua adat di sana untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan adat istiadat perkahwinan. Penulis juga telah menemuramah beberapa orang dari penduduk di kampung itu untuk mendapatkan keterangan-keterangan

an mengenai upacara-upacara yang dijalankan dalam adat istiadat perkahwinan itu.

1.2 Latar belakang tempat kajian.

Negeri Sembilan terkenal sebagai sebuah negeri yang mengamalkan Adat Perpatih di semenanjung Malaysia. Adat Perpatih ini dibawa oleh peneroka-peneroka dari Minangkabau, bermula dalam pertengahan kurun masehi ke XIV seperti yang dianggarkan oleh Newbolt.¹ Kedatangan mereka adalah digalakkan oleh jiwa orang Minangkabau yang senang pergi merantau, keadaan politik di Minangkabau yang huru-hara, umpamanya pada masa Adityawarman (pertengahan abad ke IV), perang saudara yang memecahkan alam Minangkabau dalam abad ke XVII dan perang Padri pada awal abad ke XIX,² mungkin peristiwa-peristiwa ini telah menggalakkan perpindahan orang-orang dari Minangkabau dalam bilangan yang besar ke Semenanjung Tanah Melayu umumnya dan ke Negeri Sembilan khasnya. Suasana politik dan keadaan ekonomi di daerah seberang Selat Melaka yang lebih baik daripada di Minangkabau sendiri, ditambah pula dengan rasa tidak puas hati di kalangan belia terutama suasana di kampung, umpamanya ikatan adat yang tidak memberi kebebasan untuk bergerak, mungkin merupakan landasan yang kuat untuk pergi merantau.

¹ Md. Sharif Fakh Hassan, "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan Dan Kaitannya Di Minangkabau", Kertaskerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 2.

² Mohd. Dahlan Mansoor, "Minangkabau Dan Negeri Sembilan Tinjauan Kaitan Sejarah Dan Kebudayaan", Kertaskerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 9.

Kedatangan mereka itu tidaklah serentak melainkan berperingkat-peringkat dengan rombongan-rombongan kecil. Mereka datang ke Semenanjung Tanah Melayu amnya dan ke Negeri Sembilan khasnya menyeberangi Selat Melaka, lalu memudiki Sungai Linggi, Sungai Melaka atau Sungai Kelang dan masuk ke daerah-daerah pendalaman menempat kepada penghulu-penghulu tempatan yang telah sedia membuat kediaman di situ. Mereka tidaklah begitu tertarik menempat di tepi pantai kerana mereka itu kaum tani yang biasa hidup bersawah ladang. Tambahan pula undang-undang atau peraturan Adat Perpatih yang menjadi dasar hidup mereka di tanah Minangkabau sendiri adalah berkembang di kawasan-kawasan pendalaman seperti kata ungkapan; "kampung nan bersudut, sawah nan berjenjang, pucuk nan melick, pinang nan berjejer, adat pusaka diadakan."³ Justru itu kita dapati tidak semua kawasan di dalam Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih. Linggi dan Port Dickson dianggap sebagai kawasan-kawasan beradat Temenggung.⁴

Luak di Negeri Sembilan pada hari ini ialah empat belas, di antara empat belas luak itu, empat luak dianggap utama iaitu Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau.⁵

Kampung Belangkan (tempat kajian penulis) ini terletak dalam luak Sungai Ujung dan dalam mukim Rantau. Kampung Belangkan bersempadankan di bahagian utaranya ialah kampung Mambau, di baha-

³Md. Sharif Fakh Hassan, op. cit., hal. 2.

⁴Mohd. Rais Yatin, "Undang-Undang Adat Perpatih, Common Law Dan Equity - Satu Analisa Perbandingan", Kertaskerja Seminar Pendejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 2.

⁵Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976), hal. 55.

gian selatannya kampung Nyatoh, sebelah timur pula ialah Old Seremban Estate dan di bahagian barat ialah Sungai Linggi. Kedudukannya tujuh batu dari bandar Seremban. Luasnya lebih kurang satu batu per-segi. Kampung Belangkan terbahagi kepada dua bahagian:-

i. Kampung Belangkan (luar).

ii. Kampung Ulu Belangkan. ⁶

Jumlah penduduknya lebih kurang dua ratus orang dan orang-orang Melayu merupakan bilangan majoriti, hanya sebilangan kecil sahaja terdiri dari orang Cina dan India, iaitu lebih kurang tiga puluh orang.

Keadaan muka bumi kampung Belangkan: Ia terletak di tanah pamah yang sesuai untuk pertanian. Di kiri kanan tanah pamah itu terdapat tanah tinggi yang sederhana tingginya iaitu sesuai untuk penanaman getah. Sungai Linggi mengalir melalui kampung ini.

(a) Pentadbiran.

Di kampung Belangkan mempunyai seorang ketua kampung. Namanya Hj. Ab. Majid bin Hj. Iasin. Beliau berperanan sebagai pembantu kepada ketua jajahan dalam menjalankan tugas pentadbiran.


Suku merupakan salah satu dari yunit-yunit politik dalam sistem politik Adat Perpatih. Iasinnya di tiap-tiap kampung itu mempunyai lebih dari satu suku. Masyarakat Melayu di kampung ini digolongkan ke dalam dua suku iaitu Suku Biduanda Waris dan Suku

⁶ Untuk dapat keterangan yang lebih lanjut dan jelas, sila rujuk pada peta mukim Rantau di lampiran 1.

Kelang.⁷ Suku Kelang lebih ramai dari Suku Biduanda Waris.⁸ Dalam suku terdapat beberapa perut. Perut diketuai oleh buapak. Buapak dipilih dengan kebulatan dari anggota-anggota perutnya yang dewasa. Pemilihan ini mestilah disahkan oleh lembaga. Fungsi-fungsi buapak ialah menyelesaikan perselisihan fahaman dalam perut, menerima segala maskahwin di dalam perut bagi pihak keluarga yang terlibat, menyaksi-

⁷ Suku Kelang adalah tidak termasuk dalam dua belas suku yang terkenal dalam Adat Perpatih (lihat bab 2). Suku Kelang berasal dari Kelang, mereka mudik Sungai Kelang dan masuk ke Sungai Linggi lalu membuat petempatan di kampung Belangan, Kuala Sawah, Nyatoh, Seliau dan tempat-tempat lain.

Jurai Keturunan Suku Kelang.



Rajah jurai keturunan di atas menggunakan nama-nama perempuan yang melambangkan sebagai satu perut. Perut Belangan berasal dari Sadiah. (hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak). Suku Kelang juga mengamalkan Adat Perpatih kerana dulu Kelang termasuk dalam Negeri Sembilan, sebagaimana pendapat Newbold bahawa luhak-luhak asli Negeri Sembilan terdiri dari Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujung, Jelebu, Rembau, Kelang, Ulu Pahang dan Jelai. Sila lihat Nordin Selat, *op. cit.*, hal. 55.

⁸ Biduanda Waris ialah salah satu dari perut Biduanda. Ia dianggap sebagai suku yang pertama sekali dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Justru anggota suku ini ialah keturunan orang-orang sakai penghuni asal Negeri Sembilan. Berdasarkan inilah suku Biduanda itu diberi keutamaan seperti ahli-ahlinya berhak mencalonkan ketua-ketua adat khususnya Undang dan Penghulu, mempunyai status yang tinggi, maskahwin anggota perempuan suku ini adalah lebih tinggi dari suku-suku lain dan sebagainya. Sila lihat, Nordin Selat, *ibid*, hal. 144, 145.

kan penjelasan harta dapatan dan harta bawaan anak buahnya. Buapak juga bertanggung jawab membuat pembahagian harta carian bila berlaku cerai hidup atau mati. Persetujuannya mesti diperolehi dalam perkahwinan tak lazim seperti menyerah. Dia menjadi saksi dalam upacara berkedim, segala hutang piutang saka dijelaskan di hadapannya untuk pengesahan dan dia hanya boleh menyelesaikan kes-kes jenayah yang remeh-temeh sahaja. Bek kata perbilangan adat:

Luka conget pecah berdarah
Luka ditutup kain baju.⁹

Para alim pula seperti imam dan tok kadhi memainkan peranan mereka dalam mentadbirkan hal-hal agama seperti perkara-perkara nikah kahwin, penceraian, zakat dan lain-lain.

(b) Ekonomi dan Sosial.

Kampung Belangan mempunyai hubungan dengan kawasan-kawasan lain di sekitarnya. Jalan raya adalah sebagai perhubungan dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Jalan raya yang melalui kampung ini pula adalah menghubungi Seremban dengan Kuala Savah.

Kemudahan-kemudahan lain yang telah diterima oleh penduduk-penduduk kampung ialah bekalan elektrik dan bekalan air. Empangan untuk pengairan pertanian dan surau juga dibina untuk kemudahan penduduk-penduduk di situ. Namun begitu sekolah telah dibina di kampung Nyatoh lebih kurang setengah batu dari kampung ini.

Pekerjaan utama penduduk kampung ini ialah menoreh getah dan bersawah padi. Ada juga yang berniaga cara kecil-kecilan iaitu

⁹Ibid, hal. 74 - 75.

membuka kedai runcit. Di samping itu terdapat juga kerja-kerja sambilan iaitu mereka menangkap ikan, menanam sayur-sayuran, buah-buahan seperti durian, manggis, langsung dan ciklu dan tanaman lain termasuklah ubi kayu, pisang, kelapa dan serai. Mereka juga berternak kerbau, lembu, kambing, ayam dan itik. Ada juga dari penduduk-penduduk kampung membawa hasil dari kerja-kerja sambilan mereka ke Pekan Sari di Seremban untuk dijual bagi tujuan menambah pendapatan mereka. Selain daripada itu terdapat juga mereka yang bekerja dengan kerajaan seperti guru, kerani, polis, askar dan sebagainya. Juga mereka yang bekerja dengan swasta seperti kerja di kilang-kilang, contohnya kilang Dunlopilo di Rasah. Bagi bangsa-bangsa asing iaitu Cina dan India. Mereka adalah sebagai penoreh-penoreh getah.

Unsur-unsur pemodenan dari segi nilai-nilai sosial telah meresap di kalangan penduduk-penduduk kampung ini. Pelajaran adalah salah satu unsur moden yang telah memkarkan corak hidup atau membenarkan berlaku mobiliti menegak (vertical mobility) pada orang-orang di kampung ini. Ibu bapa telah mengetahui pentingnya pelajaran terhadap masa depan anak-anak mereka. Justru itu di dapati ramai anak-anak kampung ini sekarang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia.

Pergaulan antara muda-mudi sudah tidak dianggap serong lagi oleh pihak orang-orang tua. Begitujuga dari segi pekerjaan, ramai anak-anak gadis yang bekerja di pejabat-pejabat kerajaan dan mereka terpaksa merantau ke negeri lain berjauhan dengan kedua ibu

bapa masing-masing. Berlaku mobiliti pekerjaan dan petempatan yang meluas pada penduduk-penduduk kampung ini. Anak-anak muda yang mendapat pendidikan sekolah menengah telah ramai meninggalkan kampung kerana mencari pekerjaan di bandar-bandar seperti Seremban dan Kuala Lumpur. Ada pula di antaranya yang terus menetap di bandar-bandar itu. Ada juga di antara penduduk-penduduk kampung ini yang telah pindah ke rancangan tanah kerajaan seperti rancangan tanah pinggir.

Penduduk di kampung ini mempunyai taraf hidup yang sederhana kerana mereka mempunyai tanah dan rumah sendiri, tanah sawah dan kebun getah sendiri dan dikerjakan oleh mereka sendiri. Oleh sebab itu penghidupan mereka lebih baik berbading dengan orang-orang yang tinggal dan bekerja di bandar-bandar besar yang serba-serbi memerlukan wang.

Oleh sebab keluasan kampung dan penduduknya terlalu kecil, lebih-lebih lagi ramai anak-anak muda yang telah bekerja dan menetap di bandar yang tinggal hanya orang-orang yang sudah berumur dan orang-orang yang baru bersara dari kerja. Maka aktiviti-aktiviti pertanian tidak dapat dijalankan secara lancar dan berkesan. Unpamanya banyak sawah yang terbiar kerana orang yang telah bersara ingin berihat dan tak berdaya lagi bekerja teruk. Jika mereka mahu pun, mungkin anak-anak mereka yang makan gaji tidak akan membenarkannya kerana memalukan mereka dan menjadi umpatan orang kampung seperti anak-anak tidak menolong atau membiarkan sahaja ibu bapa mereka. Lantaran itu taraf kemajuan kampung ini adalah sederhana.

(c) Adat Istiadat.

Penduduk-penduduk di kampung ini mempusakai warisan Adat Perpatih dari nenek moyang mereka dahulu. Mereka masih lagi mengamalkan upacara-upacara adat dalam kehidupan mereka sehari-hari. Ini disebabkan mereka mempercayai bahawa adat itu seperti kata perbilang-an:

"Tak lapuk dek hujan
Tak lekang dek panas
Dianjak layu, dicabut mati.

Maksudnya bahawa adat itu ialah suatu landasan yang kukuh kerana ia merupakan benda asli bukan saduran, meskipun telah menempuh anika suasana dan zaman namun ia tetap dengan keasliannya." ¹⁰ Mereka juga mempercayai bahawa adat ini benar-benar mempunyai kemampuan dalam usaha mengujutkan keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan penganutnya kerana di dalamnya terkandung unsur-unsur pemeliharaan jiwa, akal fikiran, keturunan dan harta benda. ¹¹

Mengikut Adat Perpatih, adat itu boleh dibahagikan kepada empat bahagian:-

- i. "Adat yang sebenarnya adat.
- ii. Adat yang diadatkan.
- iii. Adat yang teradat.
- iv. Adat istiadat.

- i. Adat yang sebenarnya adat.

Inilah yang dikatakan, 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek

¹⁰ Shamsiah Abd. Rahin, Bahasa Perbilang-an Dalam Istiadat Perkahwinan, Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Satu Contoh, Tesis UKM, 1974/75, hal. 22.

¹¹ Hashim Ab. Chani, "Kata-kata Perbilang-an dan Tafsirannya", KKSPAP, MBS, April 1974, hal. 3.

panas, dianjak layu dicabut mati, adat air cair adat api panas dan adat pisau melukai'. Misalnya hendaklah tiap-tiap orang itu melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang buruk.

ii. Adat yang diadatkan.

Iaitu peraturan dan ketetapan yang diambil dari permuafakatan, itu adat ialah muafakat. Permuafakatan oleh ketua-ketua seperti tuapak, lembaga, penghulu dalam lingkungan dan luak. Misalnya berkahwin dalam suku yang sama dilarang, tidak akan berlaku kalau masyarakat itu masih taat akan peraturan itu. Tetapi jika orang ramai hendak merubah adat yang diadatkan ini, maka hendaklah diadakan musyawarah dan muafakat sesuai dengan petunjuk perbilangan adat:-

Tiap sesuatu dengan muafakat
Begitu kata maka suci
Begitu perbuatan maka sempurna.

iii. Adat yang teradat.

Iaitu yang terjadi dengan sendirinya bukan terbit dari kata muafakat, melainkan kerana kebiasaan dan kelaziman. Upamanya, kepatuhan kezanakan terhadap mamaknya, mamak terhadap penghulu dan penghulu terhadap muafakat.

iv. Adat istiadat.

Iaitu adat yang menjadi tambahan dengan tujuan mencantikkan adat yang sedia ada. Misalnya adat-adat yang terdapat dalam upacara sahaja seperti upacara penobatan, penerimaan dan penakaman raja.

Di sini penulis lebih memberatkan kepada adat istiadat yang diamalkan oleh orang-orang dalam kampung ini. Adat istiadat ini masih dilakukan terutama dalam majlis-majlis perkahwinan, tujuannya untuk memeriahkan dan menyerikan lagi majlis adat itu. Upamanya istiadat menghantar tanda, pihak lelaki bukan sahaja menghantar cincin emas sebertuk, tetapi disertakan juga barang-barang lain seperti kain baju sepersalinan, sepasang kasut, alat-alat solek, kuih-muih dan lain-lain barang mengikut kemampuan pihak lelaki itu. Apa yang diperinginkan sebagai adat di sini ialah cincin sebertuk dan wang nantaran pinangan, barang-barang yang lain itu cuma pemberian sahaja,"¹²

Adat istiadat yang lain seperti istiadat berinai, istiadat berkhitan Quran, istiadat berkhitan atau bersunat dan lain-lain lagi yang masih diamalkan di kampung ini.

(d) Ugama.

Penduduk-penduduk kampung ini beragama Islam dan mereka mengamalkan hukum-hukum Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari. Hal ini lebih jelas lagi bila di dapati hukum Islam atau ugama dan hukum adat adalah seiring sejalan, seayun selinggang. Mana-mana yang dijalankan bagi memelihara negeri dinamakan aturan adat dan yang secara ugama dinamakan hukum syarak. Dari itu terdapatlah kata-kata "Aturan adat itu ibarat cermin yang tidak kabur, pelita yang tidak padam, dan hukum syarak itu ibarat suluh yang terang."

¹² Shamsiah Abd. Rahim, op. cit., hal. 23 - 24.

Adat dan syarak adalah isi mengisi dan kuat menguat antara satu sama lain. Pak kata perbilangan adat:-

Adat bersendi Hukum
Hukum bersendi Kitabullah
Kuat Adat, tak gaduh Hukum
Kuat Hukum, tak gaduh Adat
Ibu Hukum muafakat
Ibu Adat muafakat. 13

Dalam apa jua peristiwa adat, syarak tidak ditinggalkan, seperti kata perbilangan adat:-

Adat berpanar, syarak berlindung
Syarak mengata, adat memakai
Adat dan syarak, sandar menyandar
Ibarat aur dengan tebing. 14

Pergandingan antara syarak dan adat jelas dalam adat istiadat nikah kahwin:-

Selesai permainan dengan sorak
Menghabisi adat dengan emas
Menyudahi syarak dengan doa. 15

¹³ Nordin Selat, op. cit., hal. 27

¹⁴ Md. Sharif Fakh Hassan, op. cit., hal. 9 - 10.

¹⁵ Hashim Ab. Ghani, op. cit., hal. 12.

BIBLIOGRAFI

A. Buku:

1. Abdullah Siddik. Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975.
2. Djamour, Judith. Malay Kinship and Marriage in Singapore. New York: University of London, Humanities Press, Inc., 1966.
3. Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976.


B. Rencana/kertaskerja:

1. Abas Haji Ali. "Sebahagian dari Dasar Adat", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
2. Abdullah Siddik. "Adat dan Modernisasi", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
3. Aliyah. "Rahsia Mak Andam menjadikan Pengantin Berseri di Pelamin" dalam Keluarga, Keluaran 21, Disember, 1977.
4. Hashim Abdul Ghani. "Kata-Kata Perbilangan dan Tafsirannya", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
5. Idris Haji Tain. "Beberapa Konsep Penting dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
6. Mansor Haji Jamaluddin. "Konsep Harta di dalam Sistem Adat Perpatih", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
7. Md. Sharif Fakeh Hassan. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

8. Mohd. Dahlan Mansoer. "Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
9. Mohd. Rais Yatim. "Undang-Undang Adat Perpatih, Common Law dan Equity - Satu Analisa Perbandingan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

C. Latihan Ilmiah:

1. Shamsiah Abdul Rahim. Bahasa Perbilangan dalam Istiadat Perkahwinan, dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Satu Contoh. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974/75.
2. Sia Wee Teng. Adat Istiadat Perkahwinan Orang-Orang Melayu Kelantan. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77.
3. Zainal Kling. Sistem Kekeluargaan di Melaka Utata. Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1969.



LAMPIRAN (11)

SURAT NIKAH/KAHWIN

№ 02263



نکری میلن

اوندغ ۲ مئند بیران حکوم شروع تاشون ۱۹۶۰

(بیلان 15 تعاون 60)

صورت کنراغن نکاح

[۵ (۲)]

بنو امیاء... عبدالرحمن بن... بن حبیب...
(کاره فتنه‌ای ۳۵۴ هـ ۳۵۵ هـ) ندای دعت‌کن ناکاح دشمن

(کارڈ فنانس نمبر 3793.1.3) اد. لکھنؤ


۱۹. برسان دغن
۲۰. ماربولن
۲۱. ماربولن
۲۲. دغن مکنوین

سابقہ ۲۴/۴/۲۰۲۰ء رغبیت شوتغ / نونہ

بیاران دکنان \$ 3 00

فد ۱۹۷۴

برسمان ۱۵۳ هـ اول جولن ۱۳۰۴



دایره / ولایت / ...

LAMPIRAN (111)

SURAT IZIN PEREMPUAN KEPADA WALINYA

اذین دان وکاله

اداله ساي... بسپرتو، مروت، بخت... دین...
مفادینکن کفد... دین... بن...
فکمت... با... کفد ساي قد منکاحکن دیری ساي دغن
... محمد، بشا، رین... بن...
دغن مسکھوینش... / 25... تونی / صفت دان ساي...
... بن... مسفکوهن بروکیل کفد...
... بن... باکی معقدکن نکاح... ساي نامن
... بن... یفدارا / بخت...
دغن... بن... دغن مسکھوین
یفترسبوت داتس این، مک اذین دان وکاله یفترسبوت داتس این تله
برلاکو دهداتن دوا اورغ سقسي یفترسبوت نامن قد فصل 4 دسبله این.

تندا تاغن یخماذینکن...
تندا تاغن یفتروکیل...


تندا تاغن سقسي ۲...
..... 1
..... 2

LAMPIRAN (iv)

SURAT TAKLIK

15. لفظ تعلیق دمکین:

منکل ساي تيفکلکن استري ساي..... ديسی. بر جانی. بنت..... سلاما
4 بولن اتو له دغن سخاج اتو فقسا اتو ساي اتو وکیل ساي تیلاد مبري نفقه کفدان سیلاما ماس یقترسبوت قد حال اي
طاعتکن ساي اتو ساي ملاکوکن مبارغ مضرت کفد توبه بدائن، اتو کحرمتمنن اتو هرت بندان کمدين اي مفادو کفد قاضي
دان منکل نابیت ادوانن دسیسی قاضي اتو فقادیل محکمه شرعیه اتو جماعه فقادیلن محکمه جواتنکواس اولفیچارا دان اي
مبري کفد قاضي باکی فیهیق ساي سبایق 51، مک قد کنیک ایت ترطلاقله اي دغن ساتو طلاق خلعي.




تندا تاغن یقبر تعلیق

Bayaran Perumahan : 4/

Rent RM 420/15. 4. 99.


DESIKAN BENAR

LAMPIRAN (va)




1. Pelamin adalah tempat persandingan pengantin.

LAMPIRAN (vb)



2. Penyerahan tepak sirih oleh orang semenda kepada buapak pihak lelaki.

LAMPIRAN (vc)



3. Orang semenda dengan orang-orang pihak lelaki
makan sirih di rumah persinggahan pihak lelaki.

LAMPIRAN (vd)




4. Barang-barang hantaran (tepak sirih, 'belanja hangus' dan barang-barang iringan) yang digubah dalam berbagai bentuk.

LAMPIRAN (ve)




5. Istiadat Akad Nikah: wali atau wakil wali bersalam dengan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vf)




6. Perarakkan di Malam Berinai Besar: kedua-dua pengantin yang berpakaian tradisional dijulang oleh empat orang anggota masyarakat Adat Perpatih.

LAMPIRAN (v g)



7. Perarakkan di Hari Lansung: kedua-dua pengantin disandingkan di halaman hadapan rumah, bagi tuntunan para jemputan.

LAMPIRAN (vh)



8. Pengantin perempuan yang diarak cara julang dengan diiringi rebana menuju ke rumah persinggahan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vi)



9. Istiadat Suap-Suap; Mak andam dan pengantin perempuan menyuap mulut ke mulut pengantin lelaki. Tetapi ditahan oleh pak andam dan pengantin lelaki. Perbuatan itu dilakukan sambil berjenaka.

LAMPIRAN (v.j)



10. Istiadat Padam Lilin: Kedua-dua pengantin serentak menghembus api lilin itu hingga padam.